



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
2755 Jalan Sentosa
86000 Kluang, Johor

Tel : 07-772 2946
Fax : 07-772 2540
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj. Kami: PPDKLG.600-3/3/1 Jld.2 (51)

Tarikh : 27 Mei 2024

Guru Besar,
Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Kluang

Tuan,

**HEBAHAN PERTANDINGAN BERCEKITA SECARA KREATIF BERPANDUKAN
GAMBAR DALAM BAHASA CINA TAHAP 1 BAGI SJK (C) DAERAH KLUANG 2024**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pertandingan BerceKita Secara Kreatif Berpandukan Gambar Dalam Bahasa Cina Tahap 1 bagi SJKC Daerah Kluang 2024 akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 11 Julai 2024 (Khamis)
Masa Pendaftaran : 7.30 pagi hingga 8.30 pagi
Masa Pertandingan : 8.30 pagi
Tempat : SJKC Sayong, Renggam

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama pihak tuan untuk memberi kebenaran kepada murid tahap satu (**seorang peserta**) dan guru pengiring di bawah seliaan tuan untuk menyertai pertandingan ini. Pastikan pelibatan murid mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/ penjaga. Pihak sekolah juga diingatkan supaya sentiasa menjaga kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid sepanjang program berlangsung serta mematuhi garis panduan yang sedang berkuatkuasa.

4. Segala pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi En. Hairul Azuan bin Ahdan, Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Kluang di talian 017-3840409 atau Cik Lim Hui Min, GPK Kokurikulum SJK(C) Sayong di talian 019-3589789. Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“SYNERGY IN EXECUTION TOWARDS RESOURCEFUL LEADERSHIP”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjatankan amanah.

(ZAINUDDIN BIN MD. RAMLAN)
Timbalan PPD Pembangunan Murid
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang

Sk : Fail

LAMPIRAN

**PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN BERCERITA KREATIF BERPANDUKAN
GAMBAR BAHASA CINA SEKOLAH RENDAH PERINGKAT DAERAH KLUANG TAHUN
2024**

1	Objektif	<p>1.1 Mencungkil bakat baharu dalam bidang bercerita secara kreatif.</p> <p>1.2 Memberikan ruang dan pendedahan kepada golongan murid untuk mengetengahkan bakat mereka dalam bidang pengucapan cerita, sekali gus membina keterampilan dan jati diri bangsa.</p> <p>1.3 Memupuk minat dan kecintaan terhadap Bahasa Cina.</p>
2	Tarikh Pertandingan	11 Julai 2024
3	Tempat Pertandingan	Bilik Kokurikulum SJKC Sayong
4	Kelayakan Peserta	Dibuka kepada semua murid SJKC di bawah KPM daerah Kluang: Juara Kategori Rendah: Tahap 1
5	Kategori Rendah	5.1 Rendah Tahap 1 (Tahun 1 hingga 3) Perseorangan (1 orang) Catatan: Setiap sekolah HANYA dibenarkan menghantar 1 wakil.
6	Pilihan Karya	<p>6.1 Kandungan cerita Tahap 1 adalah cerita haiwan atau cerita berwatak imaginasi.</p> <p>6.2 Gambar tidak akan diumumkan dahulu sehingga giliran peserta. Kesudahan cerita akan disampaikan oleh peserta berdasarkan keupayaan merekacipta cerita peserta.</p> <p>6.3 Kesudahan cerita mestilah berunsur moral.</p>
7	Penghakiman	<p>7.1 3 orang Hakim</p> <p>7.2 Panel Hakim setiap kategori akan memberi markah berdasarkan teknik penyampaian, isi kandungan, kreatif peserta, sebutan dan intonasi.</p> <p>7.3 Panel hakim akan bermesyuarat untuk menentukan pemenang.</p> <p>7.4 Keputusan Panel Penghakiman adalah MUKTAMAD dan tidak boleh dipertikaikan.</p>
8	Pengagihan Markah	8.1 Isi Kandungan Cerita (25%), Kreatif Peserta (25%), Penyampaian (25%), Sebutan (10%), Intonasi (15%)
9	Masa Penyampaian Cerita	9.1 Kategori Rendah : tidak melebihi 5 minit (dari mula bercerita hingga tamat)
10	Cara Penyampaian	<p>10.1 Gambar cerita akan diberi kepada peserta 20 minit sebelum naik ke pentas untuk membuat persediaan. Masa penyampaian cerita adalah 5 minit. Loceng akan dibunyikan tepat pada 4 minit. Pembesar suara untuk peserta akan dihentikan selepas masa tamat.</p> <p>10.2 Pihak penganjur akan menyediakan kertas dan pensel semasa sesi persediaan peserta. Walaubagaimanapun, kertas tersebut tidak dibenarkan untuk dibawa ke pentas sebagai rujukan.</p> <p>10.3 Peserta mestilah berpakaian seragam sekolah dengan lencana sekolah ditutupi dengan nombor giliran pertandingan.</p> <p>10.4 Hanya mikrofon tegak diberikan kepada peserta sahaja. Tiada muzik latar belakang atau gambar lain yang tidak berkaitan dengan</p>

		pertandingan dibenarkan.
11	Hadiah Pertandingan	Hadiah Johan, Naib Johan, Tempat Ketiga, Tempat Keempat dan 4 Kepujian diberi kepada setiap kategori.
12	Tarikh Tutup	Tarikh Tutup Penyertaan : 13 Jun 2024 (Khamis)
	Pihak Penganjur berhak membuat pengubalan syarat-syarat sekiranya perlu.	